

Praktis Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Amalan _____ semasa hari perayaan dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat perpaduan.
A percaya-mempercayai
B kunjung-mengunjungi
C fitnah-memfitnah
D kasih-mengasihi
- 2 Pihak kerajaan perlu _____ usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu di negara kita.
A mempergiatkan
B bergiat
C kegiatan
D mempergiat

B. Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan tandakan (✗) bagi ayat yang salah.

1	Puan Azlina menjamu Puan Chong dan Puan Dewi dengan pisang goreng yang masih panas.	
2	Sebuah mini zoo akan dibuka di bandar ini tidak lama lagi.	
3	"Lain-lain masalah akan kita bincangkan dalam mesyuarat nanti," ucap pengerusi Kelab Kesenian sekolah itu.	
4	Rendang yang dimasak oleh ibu sangat enak sekali.	

C. Gariskan jawapan yang sesuai untuk melengkapkan ayat.

- 1 Azrin, Lim, dan Suresh turut (menyertai , menyertakan) pertandingan berbalas pantun di sekolahnya.
- 2 Ameera membantu jirannya, Mak Esah melintasi jalan raya menggunakan (jejantas , jejambat).
- 3 (Pengguna , Penggunaan) bahasa rojak ketika berkomunikasi boleh menyebabkan pencemaran bahasa.
- 4 "Kampung yang aman damai ini menjadi (porak-peranda , lintang-pukang) disebabkan perselisihan faham yang berlaku," kata ketua kampung.



Revisi Pantas

Kata Ganda

- Kata ganda seluruh
Contoh: guru-guru, makan-makan, nyans-nyaris
- Kata ganda separa
Contoh: jejantas, ielangit, lelaki
- Kata ganda berentak
Contoh: porak-peranda, lintang-pukang, lauk-pauk
- Kata ganda berimbuhan
Contoh: kunjung-mengunjungi, kasih-mengasihi, selama-lamanya

Kata Terbitan

- Kata terbitan terbentuk apabila kata dasar menerima imbuhan.
- Apitan memper-...-kan tidak boleh bergabung dengan kata adjektif, sebaliknya awalan memper-... digunakan dengan kata adjektif, misalnya mempercantik, memperbesar, dan memperindah.

Frasa

- Pembentukan frasa nama perlu mematuhi hukum D-M, iaitu (D) diterangkan dan (M) menerangkan.
- Inti (unsur yang diterangkan) mesti berada di hadapan penerang (yang menerangkan inti).
- Contoh: bas mini, Restoran Laili, dan sos cili